

# PM tidak nampak konflik Palestin ada penyelesaian

TOKYO 3 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, beliau tidak nampak ada penyelesaian kepada konflik Palestin-Israel dalam keadaan sekarang kerana ada sahaja pihak yang berusaha menggagalkan *road map* atau pelan damai yang menjadi asas kepada proses perdamaian.

Perdana Menteri berkata, oleh kerana pelan damai itu telah diterima pada asalnya oleh kedua-dua belah pihak, mereka harus kembali kepada asas ini untuk meneruskan usaha damai.

Beliau berkata, sekiranya pelan damai sedia ada tidak boleh diguna atau tidak lagi boleh diterima

4/06/04 MS2 UM  
baik oleh pihak Palestin atau Israel, maka susah pula untuk mencari asas-asas yang lain untuk menamatkan konflik yang merupakan paling lama dan masih tidak dapat ditamatkan itu.

“Dan ini bermakna, masalah Palestin tidak ada penyelesaiannya. Tak ada penyelesaian. Dan ini yang membimbangkan,” katanya kepada wartawan Malaysia di sini sebelum pulang setelah lawatan sehari ke sini.

Abdullah berkata demikian berhubung pertemuannya dengan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi terdahulu daripada itu, yang menurutnya tertumpu kepada isu Iraq dan Palestin.

Perdana Menteri berkata, beberapa tahun dahulu sebelum pelan damai berkenaan diperkenalkan, terdapat satu lagi pelan perdamaian yang dipersejujui oleh pemimpin Palestin Yasser Arafat dan Perdana Menteri Israel ketika itu, Yitzak Rabin.

Malah katanya, kedua-dua pemimpin mengadakan pertemuan dan bersalam-salaman di White House.

Oleh kerana pelan perdamaian itu meyakinkan dunia bahawa peluang untuk perdamaian di Asia Barat adalah cerah ketika itu, Arafat dan Rabin dipilih sebagai pemenang anugerah Keamanan Nobel.

Abdullah bagaimana-

pun berkata, pelan perdamaian lebur apabila Benjamin Netanyahu mengambil alih sebagai Perdana Menteri Israel.

Netanyahu tidak langsung berminat untuk meneruskan perjanjian Arafat-Rabin itu dan walaupun seluruh dunia kecewa dengan sikapnya, beliau masih berdegil.

Ditanya mengenai keganasan yang dilakukan oleh puak militan bandar raya minyak al-Khobar di Arab Saudi, Ahad lalu yang mengakibatkan 22 terkorban, Perdana Menteri berkata: “Saya paling dukacita kerana keganasan masih berlaku di Arab Saudi mahupun di mana-mana juga.”

Beliau berkata, di samping tindakan ketenteraan diambil oleh kerajaan Arab Saudi, adalah penting usaha seterusnya dilaksanakan untuk memahami tindakan mereka yang melakukan keganasan itu.

“Saya katakan ini, sebab itulah pengalaman Malaysia menghadapi keganasan yang dilakukan pengganas komunis satu masa dulu yang menggunakan alat-alat peperangan.

“Kita telah mengambil langkah-langkah yang perlu diambil supaya penyokong-penyokong mereka memihak kepada kita,” katanya. — Bernama